

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1991.

Maklumat Dalam Kertas Mesyuarat  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Berhubung Dengan Permohonan Tanah.

Dalam menimbangankan kertas-kertas permohonan tanah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masih memerlukan maklumat-maklumat yang lebih lengkap dicatatkan di dalam kertas mesyuarat yang dikemukakan. Diantaranya setiap kertas mesyuarat yang dikemukakan hendaklah mengandungi:-

- (a) Maklumat terperinci mengenai latar belakang suami dan isteri pemohon.
- (b) Berkait dengan permohonan-permohonan yang ditimbang di bawah Dasar Tanah Haram oleh Jawatankuasa Penyelesai Tanah Milikan Haram Daerah hendaklah dicatatkan pandangan dan tarikh mesyuarat Jawatankuasa.

2. Berhubung (b) :-

- (i) Sesuatu permohonan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa itu tidak dapat dikemukakan dalam tempoh 3 bulan selepas Jawatankuasa bersidang hendaklah catatkan sebab-sebab kelewatannya.
- (ii) Laporkan segala perkara yang diputuskan oleh Jawatankuasa. Tetapi Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memberinya yang tersendiri jika ia tidak bersetuju di atas sesuatu perkara.

Contohnya: Jika harga tanah yang diputuskan (sepatutnya tidak termasuk di dalam bidang kuasa Jawatankuasa) adalah tidak berpatutan Pentadbir Tanah Daerah hendaklah menentukan harga yang patut dikenakan.

Sila pastikan di dalam mengemukakan kertas-kertas mesyuarat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengandungi maklumat-maklumat yang dikehendaki itu.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA".

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

EDARAN:

1. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
2. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
3. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
4. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
5. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

s.k.

1. YB. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.

Fail: PTG.TR. G/05/1988/06/01 - (9)  
Tarikh: 28 Mac 1991.  
Bersamaan: 12 Ramadhan 1411.

DNMK/amy.